

NO. SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 16 MAC 2015

RUJUKAN : 7511

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab Dr. Mashitah Ibrahim tidak ditahan atau didakwa di bawah Akta Hasutan atau Kanun Keseksaan berhubung fitnah jahatnya menyatakan kaum Cina di Kuala Kedah telah membakar al-Quran sebagai upacara agama mereka serta Ketua Bahagian UMNO Permatang Pauh, Datuk Mohd. Zaidi bahawa kekuatan ekonomi kaum Cina di Pulau Pinang bergantung kepada perbuatan haram dan maksiat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak pernah menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara tetapi kebebasan tersebut bukanlah satu jaminan mutlak yang membenarkan sesiapa pun untuk memberikan kenyataan yang menyentuh sensitiviti atau menyinggung perasaan mana-mana individu, kaum atau agama. Ini kerana Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan agama. Maka adalah penting untuk mengelak daripada mengeluarkan apa-apa kenyataan yang berbaur hasutan kerana ia mampu menjaskan keharmonian, kemakmuran dan ketenteraman awam yang dikehendaki selama ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga tidak mempunyai apa-apa pengecualian dalam melaksanakan undang-undang terhadap mana-mana individu termasuklah individu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan. Ini adalah berdasarkan ungkapan, dengan izin Tuan Yang DiPertua, '*no man's above the law*'.

Sehubungan dengan itu, kes-kes berbaur hasutan akan disiasat di bawah undang-undang sedia ada khususnya Akta Hasutan 1948. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk mengulas dengan lebih lanjut berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat memandangkan ianya masih lagi di dalam siasatan oleh pihak polis.

SOALAN NO.: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA - DAP
[BAKRI]**

TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah rumah PR1MA yang telah diberikan surat kebenaran menduduki (CF) sehingga kini, jumlah rumah yang akan dibina dari tahun 2014 hingga 2018 mengikut kawasan Parlimen dan jumlah pemohon terkini serta jumlah peruntukan yang disalurkan bagi tempoh tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, mandat PR1MA adalah untuk menyediakan 500,000 unit rumah. Setakat ini, Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 119,933 unit rumah untuk dibina di seluruh negara. Jumlah unit pembangunan ini sentiasa berubah dan meningkat dari semasa ke semasa berdasarkan kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA yang giat diadakan.

PR1MA juga sedang rancak melaksanakan pembinaannya yang meliputi pelbagai tempat strategik di seluruh Malaysia. Secara keseluruhannya, PR1MA telah menerima kelulusan bagi Perintah Pembangunan untuk membangunkan 32 projek yang melibatkan 28,363 unit rumah. Daripada jumlah ini, sebanyak 11,308 unit rumah sedang dalam pembinaan yang terdiri daripada 8 buah projek. Sekiranya lebih banyak Perintah Pembangunan diluluskan, maka lebih banyak projek rumah PR1MA akan memulakan kerja-kerja pembangunannya. Antara projek-projek yang berada dalam pembinaan termasuklah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Perak dan Negeri Sembilan. Memandangkan projek-projek ini masih berada dalam fasa pembinaan, Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) masih belum diperolehi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyerahkan secara rasmi replika kunci kepada pemilik rumah PR1MA di Presint 11, Putrajaya pada 7 Mac 2015 yang lalu. Projek ini telah siap dibina oleh

Putrajaya Holdings dan CCC yang bertarikh 4 Mac 2015 telah diterima pemaju.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 1,280 juta bagi tahun 2013 hingga suku tahun pertama 2015. Setakat ini PR1MA telah membelanjakan sebanyak RM 689 juta daripada jumlah yang telah diperuntukkan. PR1MA mensasarkan untuk membelanjakan secara efektif keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan menjelang akhir tahun 2015.

Sekian. Terima kasih.